

**KENYATAAN DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
MAJLIS PENUH KALI KE-613  
BIL. 7/2025 PADA 29 JULAI 2025**

---

**1. PENEMPATAN PENGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (PENEMPATAN PEGAWAI KADER)**

Dengan ini dimaklumkan bahawa MBSP telah menerima penempatan seorang (1) orang Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P), iaitu Puan TPr Any Nuhairah binti Abdul Razak. Beliau adalah Pegawai Perancang Bandar dan Desa, Gred J12. Penempatan beliau di Unit Pusat Setempat (OSC) MBSP sebagai Ketua Unit. Beliau menggantikan Puan TPr Nurvanida Alisha binti Sinnappan yang telah bertukar ke Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang. Penempatan Puan TPr Any Nuhairah adalah berkuatkuasa pada 1 Julai 2025. Sebelum ini, beliau adalah Pengurus Projek, Pejabat Projek Zon Utara PlanMalaysia. Selamat datang diucapkan kepada Puan TPr Any Nuhairah.

**2. PENEMPATAN PENGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL MBSP**

Dengan ini dimaklumkan bahawa MBSP telah melantik seorang (1) orang Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P). Pelantikan sebagai Pegawai Tadbir Gred N9 yang berkuatkuasa

pada 1 Julai 2025. Pegawai tersebut adalah Encik Shamsul Izanis bin Abd Talib di Jabatan Pelesenan. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia daripada Open Universiti Malaysia dan berpengalaman sebagai Pembantu Penguatkuasa sebelum ini.

### **3. OPERASI CROW SHARPSHOOTER (OPS CroSS) MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Majlis Bandaraya Seberang Perai telah mengadakan Operasi Crow Sharpshooter (Ops CroSS) Majlis Bandaraya Seberang Perai Edisi Mega 2025 pada 26 Julai 2025.

Operasi ini adalah acara ulung tahunan bertujuan sebagai salah satu strategi kawalan populasi burung gagak di lokasi terpilih (hotspot) seluruh Seberang Perai.

Untuk edisi kali ini, lakaran sejarah baru telah dicipta dengan beberapa kejayaan telah diraih, iaitu :

- i. Edisi kali ini melibatkan jumlah penembak paling ramai dalam sejarah penganjuran operasi tembak gagak iaitu seramai 103 orang penembak berlesen dari seluruh negara yang telah mendapat permit kelulusan daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Pulau Pinang.

- ii. Operasi yang pertama kali melibatkan penembak-penembak dari kalangan wanita serta kerjasama komuniti daripada pelbagai lapisan generasi termasuk warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU).
- iii. Rekod baru iaitu sebanyak 7,293 ekor burung gagak telah berjaya dilupuskan.

Operasi kali ini turut melibatkan lawatan penandaaranan daripada Majlis Perbandaran Kulim dan kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai rakan strategik kajian dan penyelidikan.

MBSP komited untuk meneruskan serta memaknai usaha ini dengan menerapkan strategi berasaskan bukti (*evidence-based*) dalam kawalan kacau ganggu burung gagak. Tahniah diucapkan kepada semua pihak yang telah terlibat.

**4. HEBAHAN PERMOHONAN DI BAWAH TABUNG PENYELENGGARAAN PERUMAHAN MALAYSIA (TPPM), JABATAN PERUMAHAN NEGARA, KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT) TAHUN 2026 KEPADA BADAN PENGURUSAN BERSTRATA KATEGORI KOS RENDAH SWASTA (HARGA BELIAN ASAL RM42,000.00 DAN KE BAWAH) DAN KOS SEDERHANA RENDAH SWASTA (HARGA BELIAN ASAL RM42,001.00 - RM80,000.00)**

Sukacita dimaklumkan Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang menyelaras permohonan projek-projek penyelenggaraan perumahan di bawah Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) Bagi Tahun 2026 kepada badan pengurusan berstrata Kategori Kos Rendah Swasta (Harga Belian Asal RM42,000.00 dan ke bawah) Dan Kos Sederhana Rendah Swasta (Harga Belian Asal RM42,001.00 - RM80,000.00).

Permohonan yang dikemukakan perlu mengambil kira kediaman yang diduduki melebihi 10 tahun, penyelenggaraan yang kritikal dan diperlukan di skim pemajuan tersebut. Pihak badan pengurusan berstrata Badan Pengurusan Bersama (JMB) / Perbadanan Pengurusan (MC) perlu memastikan skop kerja yang dipohon **BELUM MENERIMA SEBARANG PERUNTUKAN** atau belum lagi dibaik pulih samada menggunakan dana JMB/MC, Kerajaan Negeri atau lain-lain peruntukan.

Panduan dan borang permohonan boleh didapati di laman web Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) atau boleh hubungi Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) MBSP di talian 04-5497786/787. Permohonan yang lengkap perlu sampai ke Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBSP selewat-lewatnya **15 Ogos 2025 (Jumaat)**.

## 5. PENGANJURAN PROGRAM DURIAN OUTREACH 2025

Penganjuran Program *Durian Outreach* 2025 merupakan inisiatif strategik di antara Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bersama Pejabat Pertanian Negeri Pulau Pinang, FAMA Pulau Pinang dan Rain Tree Farm dalam memperkasakan *upskilling* ilmu agro-pelancongan, khususnya berkaitan penanaman durian. Program ini akan diadakan pada 9 Ogos 2025 (Sabtu) jam 8.30 pagi sehingga 1.00 tengah hari di Rain Tree Farm, Taman Permatang Tinggi Indah, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah.

Penganjuran program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap potensi industri durian sebagai salah satu hasil komoditi pertanian di Seberang Perai serta menyediakan platform perkongsian ilmu serta kemahiran berkaitan penanaman, penjagaan dan pemprosesan durian. Pelbagai pengisian menarik seperti *talk show*, demonstrasi masakan berdasarkan durian, pameran dari agensi-agensi kerajaan dan pertandingan mewarna kanak-kanak yang bertujuan untuk memperkuuhkan jaringan komuniti selaras dengan Visi Penang2030 dan pada masa yang sama meraikan

kekayaan warisan buah tempatan ini. Semua dijemput hadir ke Program Durian Outreach 2025.

## **6. PROGRAM MESRA PELANGGAN MBSP PADA 17 OGOS 2025 (AHAD) BERTEMPAT DI DEWAN ORANG RAMAI, TAMAN ARA SURIA, ARA KUDA, TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA**

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan mengadakan Program Mesra Pelanggan Siri 2/2025 pada 17 Ogos 2025 (Ahad) bertempat di Dewan Orang Ramai, Taman Ara Suria, Ara Kuda, Tasek Gelugor Seberang Perai Utara.

Program pada kali ini menyasarkan penduduk dan pembeli rumah di kawasan skim perumahan Taman Ara Suria, Taman Desa Ara, Taman Ara Indah serta taman-taman perumahan di kawasan Tasek Gelugor / Kubang Menerong / Bertam dan sekitar yang telah dikeluarkan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance – CCC*). Penduduk boleh memohon kelulusan sekiranya hendak menjalankan kerja-kerja ubahsuai / pindaan / tambahan kepada rumah kediaman mereka. Dalam masa yang sama, penduduk kawasan lain juga boleh menyertai dan memohon kelulusan melalui program ini.

Pihak MBSP mengalu-alukan semua pihak yang mempunyai rumah kediaman supaya mendapatkan kelulusan bagi sebarang pindaan dan tambahan yang hendak dijalankan ke atas rumah kediaman mereka. Ini untuk memastikan supaya semua kerja-kerja binaan adalah dijalankan dengan teratur dan bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan diambil ke atas kerja-kerja binaan yang dijalankan tanpa kebenaran.

Dengan ini, semua penduduk Seberang Perai / pembeli / orang ramai adalah dijemput untuk menyertai Program Mesra Pelanggan MBSP ini dan kelulusan pindaan dan tambahan ke atas rumah-rumah kediaman akan diberikan secara serta-merta pada hari tersebut tertakluk kepada syarat-syarat yang perlu dipatuhi.

Maklumat lanjut sila hubungi Jabatan Bangunan MBSP di talian 04-5497737 / 045497776.

## **7. PEMAKLUMAN JADUAL KUTIPAN SISA YANG BOLEH DIKITAR SEMULA DI KAWASAN SEBERANG PERAI**

Mulai 1 September 2025, Majlis Bandaraya Seberang Perai melalui syarikat kontraktor kitar semula yang dilantik akan melaksanakan perkhidmatan kutipan sisa yang boleh dikitar semula di premis-premis kediaman bertanah di seluruh Seberang Perai.

Kaedah kutipan tersebut akan dilaksanakan secara kutipan pintu ke pintu atau *Door-To-Door Collection* mengikut pembahagian kawasan Parlimen seperti berikut:

- a) Setiap hari Isnin – Kawasan Parlimen Kepala Batas dan Tasek Gelugor
- b) Setiap hari Selasa – Kawasan Parlimen Permatang Pauh
- c) Setiap hari Rabu – Kawasan Parlimen Batu Kawan
- d) Setiap hari Jumaat – Kawasan Parlimen Bagan
- e) Setiap hari Sabtu – Kawasan Parlimen Bukit Mertajam
- f) Setiap hari Ahad – Kawasan Parlimen Nibong Tebal

Waktu operasi kutipan sisa yang boleh dikitar semula di seluruh kawasan Seberang Perai akan bermula pada pukul 8.30 pagi sehingga 5.00 petang.

Perubahan jadual kutipan ini adalah selaras dengan dasar MBSP untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk Seberang Perai khususnya.

MBSP menyeru semua pihak di Seberang Perai supaya dapat mengasingkan sisa yang boleh dikitar semula seperti kertas, plastik, logam, kaca dan lain-lain sisa kitar semula pada hari kutipan yang telah ditetapkan. Bagi mendapatkan maklumat yang lebih lanjut berkaitan jenis-jenis sisa yang boleh dikitar semula, sila layari laman sesawang Local Action (LA) 21 MBSP di [www.mbsp.gov.my/la21](http://www.mbsp.gov.my/la21)

## **8. MBSP MELARANG MENJALANKAN PEMAJUAN TANPA KEBENARAN MERANCANG**

Pada 2 Julai 2025, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mengambil tindakan pendakwaan terhadap kesalahan gagal mematuhi Notis Supaya Memulihkan Semula Tanah kepada keadaan asal, melibatkan pemajuan tanpa kebenaran merancang di bawah Seksyen 27(2)(a) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Pendakwaan telah dijalankan di Mahkamah Sesyen Butterworth.

Aktiviti pemajuan ini telah dijalankan di kawasan Seberang Perai Utara dan melibatkan pemecahan tanah secara tidak sah yang bertujuan untuk mewujudkan lot lidi. Orang Kena Saman (OKS) telah mengaku bersalah dan dikenakan hukuman denda sebanyak RM30,000.00 oleh mahkamah.

MBSP menegaskan bahawa sebarang kerja tanah atau pemajuan yang dilakukan tanpa kebenaran merancang merupakan kesalahan serius yang boleh menjelaskan kelestarian pembangunan serta kepentingan awam. Tindakan penguatkuasaan akan terus diambil terhadap mana-mana pihak yang melanggar peruntukan undang-undang dan peraturan perancangan yang berkuat kuasa.

MBSP mengingatkan agar semua pemilik tanah, pemaju dan orang awam mendapatkan kelulusan rasmi daripada MBSP sebelum memulakan sebarang bentuk pembangunan atau kerja tanah. Pemecahan dan pemajuan tanah tanpa kelulusan berpotensi menimbulkan risiko besar terhadap perancangan fizikal bandar,

kesejahteraan penduduk serta pengurusan utiliti dan infrastruktur awam.

Orang ramai juga dinasihatkan agar mematuhi setiap notis, syarat dan arahan yang telah dikeluarkan bagi memastikan pembangunan di Seberang Perai dilaksanakan secara teratur, mampan dan selaras dengan dasar serta pelan perancangan bandar yang telah ditetapkan.

## **9. SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN KE-68 TAHUN 2025**

Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-68 Tahun 2025, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan Ke-68 kepada seluruh warga Seberang Perai khususnya dan warga Pulau Pinang umumnya.

Memandangkan 31 Ogos 2025 telah jatuh pada hari Ahad maka cuti umum diganti pada 1 September 2025. Tahun ini, kita menyambut kemerdekaan dengan tema “Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni” — satu tema yang mencerminkan komitmen kita untuk membina negara yang inklusif, berdaya tahan dan penuh belas ihsan.

Sebagai rakyat Malaysia, marilah kita bersama-sama mengekalkan perpaduan, memperkuuh nilai-nilai murni, dan memainkan peranan dalam mencorak masa depan negara yang lebih aman dan makmur.

Kemerdekaan bukan sekadar sejarah — ia adalah amanah. Mari kita jaga kebersihan, keselamatan, dan keharmonian bandar kita sebagai tanda cinta kepada tanah air.

Justeru itu, saya ingin mengingatkan kepada seluruh warga Seberang Perai supaya menjaga kesihatan dan mengamalkan amalan pemakanan yang baik dan sihat. Berhati-hati di jalan raya semasa cuti umum ini.

Sekian, terima kasih.